

Baca bahan di bawah dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah.

“Azizah, cikgu nak *hadiah* yang lebih besar, boleh?”

Wajah Cikgu Zaleha yang begitu tulus dan penuh kesungguhan itu ditenung Azizah lama-lama. Ingin meneka apa-apa yang tersirat di sebalik perkataan “besar” itu.

“Saya tak mampu, cikgu. Saya belajar buat hadiah ini pun kerana saya tak mampu membeli dengan wang, cikgu. Gaji bapa kecil sahaja. Emak tak ada gaji tetap.” Lurus luahan rasa Azizah. Cikgu Zaleha memaut bahu kanan Azizah.

“Profesor Azizah, cikgu yakin kamu boleh beri hadiah yang besar maknanya kerana kamu memang layak, rajin dan kuat berusaha. Hanya orang yang bersikap seperti Profesor Azizahlah yang akan memberikan kepuasan kepada cikgu. Tolong, ya?” Dengan bersungguh-sungguh Cikgu Zaleha meletakkan Borang Pertandingan Kraf Tangan Peringkat Daerah di tangan kanan Azizah. Ceraian B khusus untuk Azizah, iaitu menghasilkan dua puluh karya anyaman dengan menggunakan bahan semula jadi. Cikgu Zaleha yakin sungguh kepada Azizah yang diiktiraf sebagai murid yang serba boleh, cuma sifat rendah diri dalam diri Azizah itu terlalu tebal.

Dipetik daripada cerpen ‘Hadiah’, Antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia

1. Apakah yang dimaksudkan oleh Cikgu Zaleha berkenaan *hadiah yang lebih besar*?
 - A Kejayaan dalam Pertandingan Kraf Tangan Peringkat Daerah
 - B Hadiah yang diberikan oleh Azizah terlalu kecil
 - C Anyaman tudung saji yang bersaiz besar
 - D Hadiah yang lebih mahal dan mewah
2. Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang sebab Azizah tidak mampu membeli hadiah untuk gurunya.
 - A Cikgu Zaleha meminta hadiah yang besar
 - C Azizah tidak mempunyai wang
 - B Ibunya tiada pendapatan tetap
 - D Gaji bapanya kecil
3. Yang berikut merupakan latar masyarakat yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut **kecuali**
 - A masyarakat guru.
 - B masyarakat yang miskin.
 - C masyarakat yang bekerjasama.
 - D masyarakat murid.

4. Dengan bersungguh-sungguh Cikgu Zaleha meletakkan Borang Pertandingan Kraf Tangan Peringkat Daerah di tangan kanan Azizah.

Apakah persoalan yang mahu ditonjolkan oleh pengarang dalam pernyataan di atas?

- A Usaha dalam menghasilkan sesuatu yang unik dan menarik
 - B Kegigihan murid dalam membalas jasa guru
 - C Peranan guru dalam mengembangkan bakat dan potensi murid
 - D Keprihatinan seorang guru terhadap kehidupan murid
5. Yang berikut ialah perwatakan Azizah **kecuali**
 - A kreatif.
 - B kuat berikhtiar.
 - C pandai serba-serbi.
 - D mengambil upah mengayam tikar.